

## Satria tak dapat, rugi pula RM3,000

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - Mac 12, 2022 @ 12:03pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



KUANTAN: Seorang lelaki bukan sahaja tidak dapat memiliki Proton Satria yang diidamkannya, tetapi turut menanggung rugi RM3,000 selepas tertipu dengan tawaran dalam Facebook.

Mangsa awalnya mendapat maklumat mengenai kenderaan yang kononnya ingin dijual itu daripada abangnya yang diketahui menerusi rakan Facebook.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata mangsa berusia 27 tahun kemudian menghubungi suspek dan bersetuju untuk membeli kereta berkenaan pada harga RM10,500.

"Mangsa diminta untuk membayar wang tempahan sebanyak RM3,000 dan dia yang menetap di Felda Chemomoi, Triang, Bera, membuat dua transaksi ke dalam akaun seorang individu yang dikatakan rakan suspek.

"Pada 7 Mac lalu, mangsa dan abang iparnya ke Senawang, Negeri Sembilan untuk urusan Pusat Pemeriksaan Komputer Bersepadu (PUSPAKOM) dan mengambil kereta daripada pemilik. Semasa berada di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Senawang, mangsa dapati kereta itu tiada dan penjual atau pemilik kereta memberi alasan berada di Johor.

"Mangsa kemudian menghubungi suspek untuk meminta wangnya dikembalikan, tetapi suspek tidak mahu memulangkannya. Mangsa yang berasa tertipu kemudian membuat laporan di Balai Polis Bera, semalam," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mohd Wazir berkata, modus operandi kes berkenaan adalah memperdaya dengan tawaran penjualan kereta tidak wujud di Facebook.

Dalam kes lain, beliau memaklumkan, seorang jurujual minuman kerugian RM4,000 selepas terpedaya dengan pinjaman wang tidak wujud.

Katanya, wanita itu ingin membuat pinjaman sebanyak RM10,000, namun diarahkan membuat bayaran pembukaan akaun dan beberapa bayaran lain berjumlah RM4,000 sebelum menyedari tertipu dan membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Temerloh, semalam.

Kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara antara satu tahun hingga 10 tahun selain sebatan dan denda jika sabit kesalahan.